

**PENGGUNAAN CD INTERAKTIF AL-HIJAIYY DALAM
SEBUTAN HURUF HIJAIYYAH TUNGGAL BERBARIS
ATAS BAGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID
TAHUN SATU**

MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD. AKHIR



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2011

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK : **PENGUNAAN CD INTERAKTIF AL-HIJAIYY DALAM SEBUTAN HURUF HIJAIYYAH TUNGGAL BERBARIS ATAS BAGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN SATU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN)**

SAYA : **MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD.AKHIR** SESI PENGAJIAN : **2010/2011**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

- Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
- Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
- Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian Tinggi.

Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIKAK TERHAD


PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD.AKHIR)

Disahkan oleh


(DR. SABARIAH BINTI SHARIF)

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tarikh : 1/3/ 2012

Tarikh : 5/3/2012

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan


** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

"Karya ini adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan pada tiap-tiap satunya dijelaskan sumbernya".

24/12/11



MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD. AKHIR

PT20098602C



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

PENGESAHAN

NAMA : **MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD. AKHIR**
NO. MATRIK : **PT20098602C**
TAJUK : **PENGGUNAAN CD INTERAKTIF AL-HIJAIYY DALAM
SEBUTAN HURUF HIJAIYYAH TUNGGAL BERBARIS
ATAS BAGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID
TAHUN SATU**
IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN
(KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN)**

TELAH DISAHKAN OLEH

PENYELIA

DR. SABARIAH BT SHARIF



TANDATANGAN


A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Sabariah', is written over the 'UMS' logo and the text 'UNIVERSITI MALAYSIA SABAH'.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, atas rahmat dan kurnia-Nya, dapat saya menyelesaikan kajian ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada penyelia Dr. Sabariah Bt. Sharif yang membantu, memberi nasihat serta bimbingan sepanjang melaksanakan kajian ini.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPSS) Universiti Malaysia Sabah. Ucapan terima kasih juga kepada Guru Besar, guru-guru Pendidikan Islam dan guru-guru j-QAF yang memberi kerjasama sepanjang kajian dilaksanakan.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat yang membantu sepanjang kajian ini dijalankan. Teristimewa sekali, terima kasih buat suami Mohd A'sri bin Ahmad Zahid dan bonda Puteh Binti Md. Noor atas dorongan yang telah diberikan.



(MUSADDIQATUL HUSNA BINTI MD. AKHIR)

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah

2011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui keberkesanan produk beraplikasikan multimedia yang dibangunkan oleh pengkaji iaitu AL-HIJAIYY. AL-HIJAIYY dibangunkan dengan menggunakan reka bentuk Model ADDIE. Kajian ini berbentuk kajian eksperimantel iaitu untuk mengetahui perbezaan pencapaian antara dua kumpulan melalui ujian pra dan pasca yang telah dijalankan. Sampel kajian adalah seramai 64 orang dari kalangan murid Tahun Satu sekolah rendah di bawah program j-QAF. Data telah dianalisis dengan menggunakan ujian-*t* dua kumpulan bersandaran. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat penilaian guru terhadap AL-HIJAIYY. Sampel kajian adalah seramai 100 orang yang telah dipilih dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF sekolah rendah. Soal selidik diedarkan bagi mendapat maklumbalas mengenai AL-HIJAIYY. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan terdapat perbezaan pencapaian dalam ujian pasca kumpulan rawatan berbanding ujian pasca kumpulan kawalan. Manakala hasil analisis penilaian guru terhadap AL-HIJAIYY pula menunjukkan purata min berada pada tahap yang tinggi bagi isi kandungan AL-HIJAIYY, reka bentuk AL-HIJAIYY serta persepsi guru terhadap AL-HIJAIYY. Oleh yang demikian, kajian ini menunjukkan AL-HIJAIYY mampu meningkatkan pencapaian murid dari segi sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas manakala dari segi penilaian guru pula menunjukkan bahawa AL-HIJAIYY sesuai dan diterima menjadi bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran Tilawah AL-Quran bagi Tahun Satu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study was carried out the effectiveness of multimedia applied products developed by the AL-HIJAIYY researchers. AL-HIJAIYY was developed by using the ADDIE model design. The experimental study to find out the difference in achievements between the two groups where pre- and post-tests have been performed. The research was done with the help of 64 people who are among Year 1 pupils in primary schools, those who are under j-QAF program. Data was analyzed using the t-test of two independent groups; control group and treatment group. In addition, this study also sees the ratings of the AL-HIJAIYY teachers regarding the product. The research was done with the help of 100 teachers who had been selected from the Islamic Education together with the teachers who are of j-QAF primary schools. Questionnaires of the sample research were distributed among them to obtain their feedback on the AL-HIJAIYY. The results showed an increase in post-test for treatment group and difference in achievement of the post-test treatment group compared to the control group. While the analysis results of AL-HIJAIYY towards teachers, showed the mean average is at a high level of content AL-HIJAIYY, the design and their perceptions of AL-HIJAIYY. Therefore, this study shows that AL-HIJAIYY can improve students' achievement in terms of pronouncing a single line of characters of Hijaiyyah, meanwhile in terms of teacher ratings and feed backs, it shows that AL-HIJAIYY are appropriate and an acceptable teaching aids in Al-Quran recitation study for Year One.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN PENGESAHAN	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BIBLIOGRAFI	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN	HALAMAN
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Tujuan Kajian	6
1.6	Objektif Kajian	6
1.7	Hipotesis Kajian	7
1.8	Definisi Operasional	7
	1.8.1 Interaktif	7
	1.8.2 Sebutan	9
	1.8.3 Pencapaian	10
1.9	Rasional Kajian	10
1.10	Kepentingan Kajian	11
1.11	Limitasi Kajian	11
1.12	Kesimpulan	11
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	HALAMAN
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Falsafah Pendidikan	12
	2.2.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	12
	2.2.2 Falsafah Pendidikan Islam	12
2.3	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	13
2.4	Program j-QAF (Jawi, Quran, Arab, Fardhu Ain)	14
	2.4.1 Model Khatam Al-Quran 6 Bulan Pertama	15
2.5	Bahan Bantu Mengajar	16
2.6	Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.7	Teori Pembelajaran	20
	2.7.1 Teori Pembelajaran Behavioris	20
	2.7.2. Teori Pembelajaran Kognitif	22
	2.7.3. Teori Pembelajaran Konstruktivisme	23
	2.7.4 Teori Pencapaian	24
2.8	Kaedah Iqra'	25
2.9	Kajian Lepas	26
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	28
2.11	Kesimpulan	29

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	HALAMAN
3.1	Pendahuluan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Populasi dan Persampelan	32
3.4	Instrumen Kajian	34
3.4.1	Soal Selidik	35
3.4.2	Ujia Pra Pasca	38
3.5	Prosedur Kajian	38
3.5.1	Prosedur Kajian	39
3.5.2	Rancangan Penilaian AL-HIJAIYY	40
3.6	Analisis Data	40
3.7	Kajian Rintis	42
3.8	Kebolehpercayaan	43
3.8.1	Kebolehpercayaan Soal Selidik	43
3.8.2	Kebolehpercayaan Pra-Pasca	45
3.9	Kesimpulan	45

BAB 4	PROTOTAIP	HALAMAN
4.1	Pendahuluan	46
4.2	Rasional Produk	46
4.3	Pemilihan Alat Perkakasan	47
4.3.1	Adobe Flash Professional CS3	47
4.3.2	Cool Edit PRO 2.0	48
4.4	Prinsip Reka Betuk Pengajaran Model ADDIE	48
4.5	Perperosesan AL-HIJAIYY	51
4.6	Elemen-Elemen AL-HIJAIYY	52
4.7	Penggunaan CD AL-HIJAIYY	52
4.8	Isi Kandungan AL-HIJAIYY	53
4.8.1	Hasil Pengajaran dan Pembelajaran	53
4.8.2	Bahagian Isi Pembelajaran	54
4.8.3	Bahagian Bacaan	55
4.8.4	Bahagian Latihan	56
4.8.5	Bahagian Nyanyian	57
4.9	Kelebihan AL-HIJAIYY	57
4.10	Kesimpulan	58

BAB 5	ANALISIS DATA	HALAMAN
5.1	Pengenalan	59
5.2	Latar Belakang Responden	59
5.2.1	Taburan Sampel Guru	59
5.2.2	Taburan Sampel Murid	60
5.3	Dapatan Kajian	60
5.3.1	Analisis Soal Selidik	61

SENARAI JADUAL

JADUAL

HALAMAN

1.1	Pencapaian Sebutan Huruf Hijaiyyah Mengikut Gred, Markah dan Status	10
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	32
3.2	Agihan Set Instrumen Soal Selidik Bahagian A	36
3.3	Agihan Set Instrumen Soal Selidik Bahagian B	36
3.4	Agihan Set Instrumen Soal Selidik Bahagian C	37
3.5	Agihan Set Instrumen Soal Selidik Bahagian D	37
3.6	Kaedah Pemarkahan Soal Selidik Persepsi Guru terhadap AL-HIJAIYY	41
3.7	Nilai Purata Min	41
3.8	Rumusan Analisis Data Statistik	42
3.9	Nilai Kebolehpercayaan Alfa	44
5.1	Taburan Sampel Kajian Guru	59
5.2	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina dan Kumpulan	60
5.3	Taburan Sampel Kajian Mengikut Aras Pembelajaran	60
5.4	Taburan Jantina dan Guru Mata Pelajaran	61
5.5	Taburan Kekerapan Penilaian Guru terhadap Isi Kandungan	64
5.6	Taburan Kekerapan Penilaian Guru terhadap Reka Bentuk AL-HIJAIYY Skala 'Tidak Pasti'	66
5.7	Taburan Kekerapan Penilaian guru terhadap Reka Bentuk Persembahan	68
5.8	Taburan Kekerapan Skor Item S23	69
5.9	Taburan Kekerapan Skor Item S27	69
5.10	Taburan Kekerapan Persepsi Guru terhadap AL-HIJAIYY	70
5.11	Taburan Skor Min Komponen Penilaian Guru	71
5.12	Pencapaian Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	72
5.13	Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan	72
5.14	Pencapaian Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	73
5.15	Analisis Data Ujian-t Dua Sampel Bersandaran Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	74
5.16	Analisis Data Ujian-t Dua Sampel Bersandaran Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	74
5.17	Hasil Analisis Dapatan Kajian Menjawab Persoalan dan Hipotesis Kajian	76

SENARAI RAJAH

RAJAH

HALAMAN

2.1	Kerangka Konseptual Kajian	28
3.1	Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca	31
3.2	Persampelan Rawak Berlapis yang mengandungi Dua Lapisan	33
3.3	Persampelan Rawak Berlapis yang mengandungi Dua Lapisan	34
3.4	Prosedur Kajian	39
4.1	Prinsip Reka Bentuk Pengajaran Model ADDIE	50
4.2	Paparan Awal AL-HIJAIYY	53
4.3	Bahagian Menu Utama	54
4.4	Contoh Isi Pembelajaran	55
4.5	Contoh Bahagian Bacaan	56
4.6	Contoh Bahagian Latihan	56
4.7	Bahagian Nyanyian dalam AL-HIJAIYY	57
6.1	Kerangka Konseptual Kajian	86



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
CAI	Instruksi Berbantuan Komputer
CD	<i>Compact Disc</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IT	<i>Information Technology</i>
j-QAF	Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PBL	Pembelajaran Berasaskan Masalah
TMK	Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi
Y.A.B.	Yang Amat Berhormat

BIBLIOGRAFI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** **Soalan Pra dan Pasca**
- LAMPIRAN B** **Soal Selidik**
- LAMPIRAN C** **Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Bahagian
Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Wawasan 2020 merupakan hasrat negara yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 bagi memastikan Malaysia menjadi negara yang maju dan makmur. Terdapat beberapa cabaran menuju wawasan 2020. Antara cabaran wawasan 2020 yang dikenal pasti ialah 'mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang ke hadapan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi pada masa depan'. Cabaran ini perlulah dihadapi oleh masyarakat Malaysia bagi memastikan negara mencapai wawasan 2020 seperti yang diharapkan. Justeru itu pendidikan merupakan agen perubahan ke arah pencapaian hasrat tersebut.

"Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama", adalah matlamat utama untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berilmu setanding dengan negara-negara maju akan tetapi seimbang dari segi budaya, sosial dan nilai-nilai murni. Petikan kata-kata dari mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Hj. Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 Pelan Induk Pembangunan dan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, 'Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan telah menetapkan "Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama" sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai wawasan 2020'.

Pembangunan modal insan bermaksud memberi fokus untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan menghayati nilai-nilai murni seterusnya memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai moral dan sikap positif serta membina disiplin diri dalam kalangan murid. Terdapat tujuh ciri yang digariskan sebagai modal insan

berkualiti antaranya ialah mengakses dan menggunakan ICT (*Information and Communications Technology*). Modal insan yang ingin dilahirkan mampu dan perlu mengikuti perkembangan teknologi serta dapat menggunakan ICT dalam kehidupan mereka seiring dengan perubahan zaman.

Sehubungan itu "Pendidikan Bertaraf Dunia" merupakan satu wacana yang menjelaskan betapa pentingnya pendidikan pada abad ke-21 ini. Ia ditakrifkan sebagai kemampuan dan pencapaian cemerlang Malaysia dalam membangunkan sektor pendidikan untuk memelopori perubahan dan kemajuan dinamis dari segi pembangunan tenaga manusia, kepesatan pertumbuhan ekonomi, pembaikan taraf dan kualiti kebajikan sosial, pemodenan dan reformasi sosial masyarakat, kecemerlangan budaya fikir dan intelektual, pembangunan teknologi dan sains serta kejayaan meningkatkan kadar celik huruf yang tinggi dikalangan masyarakat. Pencapaian misi dan matlamat pembentukan sistem bertaraf dunia meliputi komponen-komponen berikut:

- a. Prasarana yang berkualiti
- b. Aplikasi teknologi yang canggih (ICT)
- c. Warga pendidikan yang proaktif
- d. Kurikulum yang kemas kini dan bersesuaian dengan perkembangan kini
- e. Peluang diadakan untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan,
- f. Ada dasar pendidikan terbuka

Berdasarkan kepada dua matlamat negara yang telah disebutkan di atas iaitu "Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama" serta "Pendidikan Bertaraf Dunia", negara amat menekankan aspek pendidikan. Modal insan yang perlu dilahirkan oleh institusi pendidikan ialah modal insan yang berkemahiran, berfikiran kreatif, kritis, berdaya saing, serta seimbang dari segi keperibadian diri yang tinggi. Antara ciri yang digariskan sebagai modal insan ialah mengakses dan menggunakan ICT dan dalam mencapai misi dan matlamat sistem pendidikan bertaraf dunia, antara komponenya ialah aplikasi teknologi yang canggih iaitu penggunaan ICT.

Ini membawa maksud dalam pendidikan perlukan pengintegrasian teknologi selaras dengan perubahan zaman iaitu zaman teknologi maklumat. Aplikasi teknologi dalam pendidikan turut merubah profesion perguruan, prasarana sekolah, kurikulum

sekolah serta perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran. Perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran ini termasuk kaedah penyampaian pengajaran guru dan cara pelajar menerima dan melaksanakan pembelajaran mereka. Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan amat perlu agar pendidikan di Malaysia standing dengan negara maju dan tidak ketinggalan dari segi teknologi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras di sekolah kebangsaan. Mata pelajaran ini terbahagi kepada beberapa bidang iaitu Tilawah al-Quran, Ulum Syariah (Akidah, Ibadat, Sirah), Akhlak, Amali dan Jawi. Pendedahan awal kanak-kanak seawal usia terhadap pembelajaran al-Quran merupakan aspek penting, sama ada pembelajaran di sekolah secara formal, mahupun pembelajaran secara tidak formal seperti di surau, masjid atau di rumah. Kepentingan pembelajaran al-Quran pada peringkat kanak-kanak perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah serta ibu bapa. Hal ini kerana, pada peringkat kanak-kanak, pemikiran mereka masih bersih dan tidak tercemar oleh perkara-perkara yang buruk yang boleh melambatkan proses pembelajaran. Menurut pandangan Ibu Sina iaitu seorang tokoh dan ulama' Islam, "Jika seorang anak itu sudah dapat mendengar dengan baik, eloklah mulai mengajarkan al-Quran kepada mereka. Mulakan dengan mengenalkan huruf Hijaiyyah dan selanjutnya diajarkan ajaran-ajaran agama".

Pada masa kini pelbagai program-program sokongan yang dijalankan untuk membasmi buta al-Quran, sama ada program dimedia siaran, program seminar serta kelas-kelas mempelajari al-Quran. Semua usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkesedaran adalah untuk membantu melahirkan masyarakat Malaysia celik al-Quran yang jelas menunjukkan kepentingan al-Quran dalam kehidupan seorang muslim. Demi melahirkan masyarakat Malaysia celik al-Quran, Kementerian Pelajaran juga memainkan peranan penting dengan memberi didikan al-Quran kepada murid-murid bermula di peringkat rendah lagi dan berterusan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara usaha Kementerian Pelajaran Malaysia ialah pembentukan Program j-QAF (Jawi, Quran, Arab, Fardhu Ain) di sekolah kebangsaan. Laporan Jawatankuasa

Tan Sri Murad menyatakan bahawa sekolah rendah perlu diperkasakan dan antara agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia ialah memperkasakan Pendidikan Islam. Mengikut pelaporan pemantauan kepada Jawatankuasa Memperkasakan Pendidikan Islam; antara elemen yang dilaporkan ialah penekanan asuhan membaca al-Quran hanya menjuruskan kepada bacaan sahaja tidak kepada khatam al-Quran. Oleh yang demikian antara fokus program j-QAF ialah khatam al-Quran. Justeru itu, untuk mencapai sasaran yang disasarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, murid di peringkat rendah perlulah menguasai sebutan huruf Hijaiyyah dengan baik terlebih dahulu.

Pada peringkat awal pembelajaran al-Quran di Tahun 1, murid diperkenalkan dengan sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas sahaja iaitu berpandukan Buku Iqra' 1. Seorang murid perlu mempelajari 28 sebutan huruf Hijaiyyah dan menguasainya dengan baik. Penguasaan sebutan huruf akan membolehkan murid terus mengikuti sukatan-sukatan yang telah ditetapkan serta dapat berpindah kepada peringkat bacaan yang lain. Bagi memastikan kurangnya kecikiran dan ketinggalan dalam penguasaan dalam sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas, pelbagai cara diusahakan oleh guru untuk memastikan murid dapat menguasai pembelajaran sepenuhnya. Antara usaha guru ialah membina bahan bantu mengajar yang mampu menarik minat murid untuk belajar, serta dapat menyumbang ke arah peningkatan pencapaian mereka. Bahan bantu mengajar yang dipilih ialah bahan yang beraplikasikan multimedia.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah pengajaran dan pembelajaran huruf Hijaiyyah pada masa kini telah menggunakan satu kaedah yang baru iaitu kaedah Iqra'. Ini berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran huruf Hijaiyyah pada tahun-tahun yang lalu yang menggunakan kaedah Baghdadiyah. Cara pendekatan kaedah Baghdadiyah ialah dengan cara mengeja iaitu menyebut huruf dan tanda baca serta membunyikannya, sekaligus murid terus kenal akan huruf dan sebutan yang telah dieja. Manakala kaedah Iqra' hanya membunyikan sebutan huruf tanpa menyebut dan mengeja terlebih dahulu. Kaedah ini lebih mudah dan cepat dan ia merupakan kaedah yang telah dipilih dan bersesuaian pada masa kini.

Menurut Faizal *et al.* (2008), berdasarkan satu kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, didapati ramai murid Islam lepasan sekolah rendah tidak tahu membaca al-Quran apabila berada di sekolah menengah. Pelbagai usaha dijalankan untuk mengatasi masalah ini, antara usaha yang dijalankan ialah mewujudkan program j-QAF di sekolah-sekolah rendah.

Dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, terdapat beberapa kemungkinan iaitu murid tidak dapat menguasai sebutan huruf dengan baik atau tidak dapat menguasai sebutan huruf dengan cepat mengikut masa yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan berlakunya keciciran dan ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian Amri (2005) dalam Faizal *et al.* (2008), daripada Model 6 Bulan Khatam al-Quran di bawah program j-QAF, dapatan ujian murid yang mengikuti program ini, sebanyak 75.8% mencapai objektif dan terdapat 15.2% yang tidak boleh menguasai bacaan al-Quran. Pencapaian ini menunjukkan pada tahap sederhana.

Justeru itu, guru telah mengambil inisiatif membina bahan bantu mengajar beraplikasikan multimedia untuk kegunaan pembelajaran Iqra' 1. Penggunaan CD interaktif ini dipilih memandangkan bahan bantu mengajar beraplikasikan multimedia telah mendapat tempat dan mempunyai ciri-cirinya yang mampu menarik minat murid untuk belajar dan akan memberi kesan positif kepada pembelajaran mereka.

Menurut kajian Aderi & Rohani (2009), penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran adalah pada skor min yang terendah dalam amalan pengajaran guru. Ini bermaksud penggunaan alat bantu mengajar adalah kurang digunakan oleh guru dalam mata pelajaran Tilawah al-Quran. Kajian itu juga berpendapat bahawa guru Pendidikan Islam perlulah memastikan bahawa amalan pengajaran Tilawah al-Quran dalam kelas memberi kesan kepada murid. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif untuk membina alat bantu mengajar beraplikasikan multimedia dalam pembelajaran Tilawah al-Quran khususnya pembelajaran asas iaitu pengenalan sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, soalan kajian bagi kajian ini ialah:

- 1.4.1 Apakah penilaian guru terhadap AL-HIJAIYY?
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan antara pencapaian murid bagi ujian pra dan pasca dalam kumpulan rawatan?
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan antara pencapaian murid bagi ujian pasca kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan CD interaktif AL-HIJAIYY yang dibangunkan. Keberkesanan CD ini dilihat dari segi prestasi murid, adakah terdapat peningkatan prestasi selepas penggunaan CD interaktif ini sebagai bahan bantu belajar mereka dan keberkesanan penggunaan AL-HIJAIYY ini dapat dilihat melalui perbandingan ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan serta perbandingan prestasi dalam ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat penilaian guru terhadap AL-HIJAIYY yang dibangunkan sebagai bahan bantu mengajar kepada guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF.

1.6 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- 1.6.1 Untuk mengetahui penilaian guru terhadap AL-HIJAIYY
- 1.6.2 Untuk mengenal pasti pencapaian murid dalam kumpulan rawatan terhadap penguasaan sebutan huruf Hijaiyyah dalam ujian pra dan pasca
- 1.6.3 Untuk mengenal pasti pencapaian murid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terhadap penguasaan sebutan huruf Hijaiyyah dalam ujian pasca

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian yang telah dikemukakan, hipotesis kajian yang terlibat dalam kajian yang bakal dijalankan ialah:

- H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan.
- H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid antara ujian pasca kumpulan kawalan dan ujian pasca kumpulan rawatan.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat tiga definisi operasional yang dibincangkan oleh penyelidik iaitu interaktif, sebutan dan pencapaian.

1.8.1 Interaktif

Interaktif berkait rapat dengan multimedia. Menurut Kassim (2009), interaktiviti berasaskan teknologi multimedia berkomputer, membenarkan pengguna mengawal sistem komputer dan dengan itu mewujudkan komunikasi dua hala yang menarik perhatian serta menghiburkan. Menurut Edger (1992) dalam Rozinah (2000), multimedia ialah integrasi elemen-elemen teks, audio, grafik, animasi, dan video dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses pembelajaran secara signifikan dan menghidupkan suasana maklumat. Ia membolehkan pengguna mengemudi (*navigate*), bertindak balas (*interact*), merekacipta (*create*) dan berkomunikasi (*communicate*). Menurutny lagi dengan adanya interaktiviti, pengguna boleh mengawal turutan adegan dalam satu-satu aplikasi program. Lima elemen yang terdapat dalam multimedia interaktif iaitu teks, grafik, audio, video dan animasi adalah seperti berikut:

- a. Teks - merujuk kepada abjad, simbol, nombor, tulisan, statistik dan pelbagai jenis tulisan yang digunakan untuk persembahan sesuatu multimedia supaya persembahan itu lebih jelas dan tepat penyampaiannya. Kepelbagaian jenis fon (tulisan) dan gabungan unsur-unsur multimedia yang digunakan di dalam

persembahan multimedia dapat menarik minat pengguna dan dapat membantu proses penyampaian dengan lebih berkesan.

- b. Grafik - merujuk kepada sebarang paparan visual, seperti gambar-gambar, lukisan, dan lain-lain kerja seni yang dipaparkan di dalam persembahan multimedia. Penggunaan grafik dalam multimedia menambahkan lagi keberkesanan proses penyampaian dan meningkatkan lagi minat audien untuk menontonnya.
- c. Audio - iaitu suara atau bunyi yang disertakan dalam persembahan multimedia bagi membantu penyampaian persembahan dengan lebih berkesan dan meningkatkan daya tarikan audien.
- d. Video - video merupakan rakaman yang dibuat dan mempunyai unsur realistik atau keadaan sebenar yang ingin disampaikan kepada audien secara tidak langsung penyampaian multimedia akan memberi kesan dari segi perasaan dan emosi audien serta proses penyampaian akan menjadi lebih berkesan dan objektif akan tercapai.
- e. Animasi - ialah proses menjadikan sesuatu objek kelihatan seperti hidup atau bergerak, akan tetapi pada dasarnya objek tersebut adalah statik. Penggunaan animasi akan memberi kesan yang lebih mendalam dalam proses penyampaian berbanding penggunaan imej-imej yang statik. Penggunaan animasi dalam persembahan multimedia pada masa kini telah mendapat tempat kerana ia mampu menarik minat audien untuk terus mengikuti penyampaian persembahan multimedia.

Secara kesimpulannya, CD interaktif yang akan dibangunkan oleh pengkaji turut menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, dan audio bagi mewujudkan interaktiviti dalam proses penyampaian dan pengguna boleh berinteraksi secara dua hala dengan menggunakannya. Menurut Rozinah (2000), interaktif bermaksud persembahan multimedia secara interaktiviti iaitu seorang pengguna boleh berinteraksi dan mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan atau penyampaian maklumat dan bukannya pasif. Gabungan elemen-elemen ini juga

akan dapat menarik minat pengguna untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran dan akan mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif.

1.8.2 Sebutan

Sebutan dalam konteks pembelajaran al-Quran ialah menyebut huruf atau membunyikan sebutan huruf dengan makhraj yang betul dan mengikut sifat-sifat hurufnya yang tersendiri. Menurut Hassan (1986), makhraj bermaksud tempat-tempat keluar segala huruf Hijaiyyah yang dua puluh lapan. Setiap huruf-huruf Hijaiyyah mempunyai makhraj atau tempat keluarnya tersendiri, dan perlulah pembacanya menyebut atau mengeluarkan bunyi huruf dengan betul dan tepat. Kesalahan sebutan dari segi makhraj pada peringkat awal pembelajaran akan menyebabkan kesalahan itu terbawa-bawa sehingga kepada pembacaan al-Quran. Menurut Hassan (1986), kesalahan dalam membaca al-Quran ialah kesalahan yang berlainan pada sebutan huruf sehingga mengubah makna.

Huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas merupakan huruf asas yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid di Tahun 1. Ia terdiri daripada 28 huruf dan merupakan sukatan pembelajaran yang terdapat dalam Buku Iqra' 1 yang perlu dipelajari oleh semua murid sebelum melangkah ke peringkat seterusnya iaitu Iqra'2, Iqra' 3, Iqra' 4, Iqra' 5 dan seterusnya Iqra' 6. Di dalam Buku Iqra' 1, murid perlu menguasai sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas sahaja. Selagi murid itu tidak dapat menguasai mana-mana sebutan huruf Hijaiyyah, maka murid itu tidak dibenarkan beralih kepada sebutan huruf yang lain dan memerlukan pemulihan. Kelambatan murid menguasai sebutan huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas akan menyebabkan keciciran untuk melangkah ke bacaan seterusnya. Huruf Hijaiyyah tunggal berbaris atas adalah seperti berikut:

أَبَتْ ثَجَحْ حَخْ دَذَرْ زَسْ شَصْ ضَطَّ ظَعْ غَفَقْ كَلَمَ نَوَهْ يَ